

MENEROKA KONSEP CINTA DALAM PERKAHWINAN DALAM KALANGAN MELAYU BANDAR YANG AKAN BERKAHWIN

(Exploring Love Concepts within Marriage among Soon-To-Be-Married Urban Malays)

*Suzana Mohd Hoesni, Mohd Suhaimi Mohamad, Sarah Waheeda Mohd Hafidz,
Sheau Tsuey Chong, Nasrudin Subhi*

ABSTRAK

Perkahwinan berdasarkan cinta merupakan satu perkara yang lumrah dalam pemilihan pasangan pada zaman ini. Objektif artikel ini adalah untuk meneroka bagaimana orang Melayu bandar mempersepsi konsep cinta dalam perkahwinan. Rekabentuk kajian *embedded nested design* telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 245 individu Melayu Bandar yang menghadiri kursus kahwin wajib di sekitar Wilayah Persekutuan secara sukarela telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Responden telah dipilih secara kombinasi rawak mudah dan rawak berstrata. Kajian ini menggunakan soal selidik yang mengandungi soalan yang berkaitan latarbelakang diri dan perhubungan serta Skala Makna Subjektif Cinta dalam Perkahwinan (SMML1). Konsep cinta dalam perkahwinan telah dianalisis secara Principal Component Analysis (PCA) dengan menggunakan Teori Segitiga Cinta untuk mendapatkan elemen dan struktur cinta yang terkandung dalam SMML1. Jawapan bagi soalan terbuka telah dianalisis dengan mendapatkan tema berkaitan dengan konsep cinta. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep cinta dalam perkahwinan diberikan definisi yang lebih memfokuskan kepada konteks kepercayaan dan nilai dalam perhubungan yang wujud dalam budaya Melayu bandar. Cadangan kajian pada masa akan datang adalah untuk meneroka konsep cinta secara lebih mendalam menggunakan pendekatan kualitatif dan memfokuskan kepada kumpulan berkahwin bagi mengkayakan definisi cinta dalam perkahwinan. Implikasi kajian yang dicadangkan ialah teori cinta perlu dikhuluskan kepada individu daripada kumpulan yang spesifik seperti budaya dan tahap perhubungan dalam memahami konsep cinta yang dikaji. Implikasi kajian yang dicadangkan ialah kepada praktikal dalam membantu profesyen menolong seperti kaunselor dan pekerja sosial yang mengendalikan isu yang melibatkan perhubungan perkahwinan dan juga pembinaan polisi dalam mengukuhkan institusi perkahwinan yang melibatkan kumpulan Melayu di Malaysia.

Kata kunci: *psikologi, cinta, perkahwinan, Melayu, bujang*

ABSTRACT

In recent years, love has been a common reason for choosing a partner for marriage. The objective of this article is to explore how urban Malays perceive the concept of love within marriage. Embedded nested research design was applied in this study. A number of 245 urban Malay individuals attending a compulsory premarital course volunteered to participate in this research. Respondents were chosen using a combination of simple random and stratification random sampling method. This study applied questionnaires which consisted of questions relating to personal and relationship background information and *Subjective Meanings of Marital Love I (SMML1)*. Love within marriage concepts were analyzed using *Principal Component Analysis (PCA)* using Triangular Love Theory to extract elements and structures of love within SMML1. Open ended questions were analyzed by getting themes relating to the concept of love.

Results indicated concepts of love within marriage were more focussed on faith and value within relationship which exists within urban Malay culture. It is suggested that future research to explore the love concept in depth using qualitative approach and to focus on married groups in order to enrich the definition of love within marriage. The implication to this study is that love theory should be specified to individuals from a specific group such as culture and level of relationship in understanding the love concept which is under study. The implication of this article is to the practical field such as counsellors and social workers in handling issues which involves marital relations and building policy in strengthening marital institution which involves Malays in Malaysia.

Keywords: *psychology, love, marriage, Malay, singles*

PENGENALAN

Perkahwinan atas dasar cinta merupakan satu perkara yang menjadi lumrah pada zaman ini. Ramai pasangan yang ingin berkahwin meletakkan cinta sebagai salah satu kriteria penting dalam memilih pasangan dalam kehidupan berumahtangga. Cinta dipercayai sebagai agen pengukuh perkahwinan dan pembawa kepada kebahagiaan berumahtangga. Walau bagaimanapun, pengalaman bercinta selepas berkahwin akan mengalami perubahan di mana ramai pasangan beranggap bahawa mereka tidak lagi cinta atau tidak rasa dicintai lagi oleh pasangan mereka. Kajian oleh Bonds-Raacke et al. (2001) dan Ruvolo dan Veroff (1997) mendapati bahawa pengalaman bercinta yang bersifat euforia (cinta romantis) yang dialami oleh kebanyakan pasangan yang baru berkahwin akan berubah kepada pengalaman bercinta yang lebih bersifat komitmen (cinta rakan karib) selepas berkahwin. Seseorang individu yang berkahwin mungkin akan mempersepsikan diri mengalami ‘kemerosotan cinta’. ‘Kemerosotan cinta’ yang dialami oleh pasangan berkahwin boleh mengakibatkan wujudnya rasa tidak bahagia dalam perkahwinan yang akhirnya memberi kesan yang negatif dan menjelaskan kesejahteraan individu.

Kebanyakan kajian lepas mendapati bahawa individu yang berkahwin dan merasakan diri mereka tidak bahagia mengalami kesan yang negatif termasuk gangguan kesihatan (Kiecott-Glaser et al., 1993; Roberts et al., 2005) dan kemurungan (Assh & Byers, 1996; Coyne et al., 1987; Horneffer & Fincham 1996; Ismail, 2004; Jackman-Cram et al., 2006; Low & Stocker, 2005). Kesan negatif dari pengalaman “kemerosotan cinta” yang dialami oleh individu boleh mempengaruhi orang lain dalam sebuah keluarga termasuk anak. Suasana perkahwinan yang tidak bahagia tidak dapat mewujudkan satu persekitaran yang sesuai bagi perkembangan ahli keluarga (Crouter, McHale & Tucker, 1999; Ismail, 2004; Webster-Stratton, 1990; Yela, 1998). Ibu bapa yang merasakan diri mereka tidak bahagia dalam perkahwinan dan mengalami kemurungan dianggap tidak dapat menjalankan tanggungjawab dengan sempurna (Webster-Stratton, 1990), ini termasuk memberi sokongan yang paling mudah seperti menolong anak melakukan kerja sekolah (Murray et. al, 2006).

Dalam masa yang sama, pengalaman “kemerosotan cinta” yang dialami oleh pasangan yang berkahwin boleh mengakibatkan perceraian. Menurut beberapa kajian lepas mendapati bahawa kadar perceraian di kalangan orang Melayu telah meningkat secara beransur-ansur (Asmah, 1979; Jones, 1980, 1981, 1997; Kling, 1995). Peningkatan kadar perceraian di kalangan golongan muda disebabkan oleh kurang penghayatan ajaran agama dalam kehidupan

berumahtangga (JAKIM, 2009). Perceraian memberi kesan negatif kepada ahli keluarga dan mempunyai hubungkait dengan kualiti perhubungan yang lemah antara ibu bapa dan anak (Yu, Pettit, Lansford, Dodge & Bates, 2010).

Kesan negatif daripada perkahwinan yang dibina atas dasar cinta, satu kajian perlu dijalankan untuk meneroka pengalaman cinta dalam kalangan orang Melayu yang akan berkahwin di Lembah Kelang. Justeru itu, satu kajian yang memfokuskan bagaimana orang Melayu Bandar yang akan berkahwin mempersepsi konsep cinta dalam perkahwinan adalah perlu bagi mengupas pengalaman bercinta sebelum berkahwin. Pasangan Melayu dipilih dalam kajian ini adalah kerana bilangan pasangan Melayu yang akan berkahwin. Mempunyai kadar perceraian yang tinggi jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka konsep cinta dalam perkahwinan di kalangan Melayu bandar.

REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan rekabentuk kajian *embedded nested design* yang disarankan oleh *mixed method* seperti yang diterangkan oleh Creswell dan Clark (2008). Kajian ini mempunyai dua jenis data iaitu menggunakan data kuantitatif dan data kualitatif yang dikutip secara serentak. Keadaan ini dipilih kerana ia membenarkan pengkaji membuat eksplorasi tentang konsep cinta dalam perkahwinan secara serentak dalam satu masa. Seramai 245 orang secara sukarela telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada individu Melayu dan merupakan peserta program kursus praperkahwinan yang wajib dihadiri oleh pasangan yang merancang untuk berkahwin. Senarai pusat yang menjalankan kursus praperkahwinan bagi bakal pasangan yang akan berkahwin telah disediakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Daripada senarai tersebut, sebanyak enam pusat telah dipilih secara rawak mudah (“tombola method”) oleh pengkaji. Oleh kerana jadual kursus pra perkahwinan yang ketat, hanya tiga pusat telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam kajian ini.

Instrumen dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama tertumpu kepada soalan yang berkisar tentang latarbelakang diri dan perhubungan responden. Bahagian kedua bertumpu kepada item yang telah dibina oleh pengkaji. Terdapat dua sumber pembinaan item tentang konsep cinta. Sumber pertama adalah daripada item Skala Segitiga Cinta (Sternberg, 1986) di mana kata kunci daripada item-item dikeluarkan untuk membina soal selidik konsep cinta bagi kajian ini. Sumber kedua adalah hasil perbincangan yang tidak formal dengan dua kumpulan awal dewasa Melayu melalui kumpulan email *yahoo groups*. Tema tentang konsep cinta yang didapati daripada perbincangan tersebut telah disemak dengan menggunakan buku popular yang terdapat di pasaran Malaysia tentang cinta dalam perkahwinan. Kedua-dua sumber tersebut telah menghasilkan 40 item yang dinamakan *Skala Makna Subjektif Cinta (SMML1)*. Selain itu, satu soalan terbuka telah diajukan tentang pemahaman responden tentang konsep cinta dalam perkahwinan bagi membolehkan item-item baru yang tidak termasuk dalam pembinaan *SMML1*.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Responden bagi kajian ini terdiri daripada 53.5% perempuan dan 46.5% lelaki Melayu yang beragama Islam. Umur min bagi responden dalam kajian ini adalah 25.38 tahun. Julat umur bagi responden adalah di antara 17 tahun sehingga 47 tahun. 97.1% responden merupakan bujang dan 2.8% bercerai atau balu. Di samping itu, tahap tertinggi akademik responden adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebanyak 61%. Ini diikuti pula Diploma (12.2%). Majoriti (91.0%) daripada responden bekerja. Kebanyakan daripada responden yang bekerja terlibat dengan sektor servis (33.1%) diikuti pula dengan kilang pembuatan (22.3%) dan sektor perniagaan (19.1%). Pendapatan bulanan untuk responden dilaporkan dengan min RM1273.88 dengan julat antara RM600 hingga RM4500.

Secara keseluruhan, julat masa mengenali pasangan adalah dari sebulan sehingga 132 bulan dengan min 33.48 bulan. Responden juga melaporkan bahawa 59.8% daripada mereka telah menetapkan tarikh perkahwinan dan min masa yang tinggal sebelum tarikh perkahwinan mereka adalah 5.34 bulan. Majoriti (84.1%) daripada responden telah memilih pasangan mereka sendiri diikuti dengan 9.4% daripada responden telah memilih pasangan berdasarkan pilihan keluarga dan diri sendiri. Hanya 0.8% sahaja yang memilih pasangan atas pilihan keluarga. Responden juga telah melaporkan pelbagai sebab keinginan untuk berkahwin. Responden telah diberikan pilihan untuk menjawab lebih daripada satu sebab untuk berkahwin. 91.6% daripada responden telah menjawab kepada soalan ini. Keputusan menunjukkan bahawa Responden juga melaporkan sebab mereka berkahwin. Responden telah memilih lebih daripada sebab mereka berkahwin. Hasil keputusan menunjukkan bahawa sebab tertinggi responden berkahwin adalah untuk mentaati perintah agama 74.7%. Ini diikuti dengan menurut “keinginan sendiri” (66.4%) dan diikuti pula dengan sebab “ingin disayangi” (61.6%).

Konsep cinta dalam perkahwinan

Sebanyak 40 item daripada Skala Makna Cinta dalam Perkahwinan (SMML1) telah melalui *Principal Component Analysis* (PCA) untuk merumuskan item SMML1 yang dibina kepada komponen cinta dalam perkahwinan. Teori Segitiga Cinta (Sternberg, 1986) telah dijadikan panduan. Prosidur menggunakan PCA telah diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Aron dan Westbay (1996). Prosidur ini membenarkan pengkaji meneroka komponen cinta yang mungkin wujud dan membandingkan dengan teori cinta dalam bidang psikologi. Sebelum menjalankan PCA, item telah dianalisis untuk menentukan kesesuaian menggunakan PCA. Niai bacaan Kaiser-Meyer-Oklip adalah 0.92 dan melebihi had minima 0.6 (Kaiser, 1970, 1974) dan ujian *Bartlett's Test of Sphericity* (Bartlett, 1954) telah mencapai kesignifikuran statistik yang menyokong faktorabiliti korelasi matriks. Dengan itu, PCA telah dijalankan. PCA telah menunjukkan sembilan komponen dengan *Eigenvalues* melebihi 1 dalam turutan 37.36 %, 6.77%, 5.29%, 3.65%, 3.39 %, 3.03%, 3.01% and 2.91 and 2.63%. Dengan menggunakan plot scree (Cattell, 1966) terdapat pisahan yang jelas selepas komponen yang ketiga; dan tiga komponen telah dikekalkan untuk analisis yang seterusnya. Tiga komponen tersebut dikekalkan kerana ia berpadanan dengan teori segitiga cinta (Sternberg, 1986) yang mencadangkan tiga komponen cinta iaitu intimasi (intimacy), komitmen (commitment) dan berahi (*passion*).

Principal Component Analysis (PCA) telah dijalankan dengan menggunakan *Varimax rotation* untuk membantu pengkaji menaksir komponen cinta dalam perkahwinan seperti yang terdapat dalam SMML1. *Rotated solution* telah menunjukkan kewujudan struktur mudah (Thurstone, 1947). Ketiga komponen mempunyai jumlah varians 49.14 di mana komponen 1 menyumbang 19.85 %, komponen 2 menyumbang 15.32% dan komponen 3 menyumbang 13.97 %. *Principal Component Analysis (PCA)* telah dijalankan sekali dengan menggunakan *Oblimin rotation* untuk memastikan SMML1 dirumuskan di bawah komponen cinta dalam perkahwinan. Pallant (2007) mencadangkan prosidur ini untuk menolong pengkaji menaksir komponen yang wujud serta menentukan item yang perlu dikekalkan dalam komponen tersebut. Hasil keputusan menunjukkan bahawa terdapat tiga komponen cinta dalam perkahwinan iaitu intimasi (11 item), gairah (14 item) and komitmen (15 item). Semua item tersebut telah disemak semula dengan berpandukan teori seigitiga cinta (Sternberg, 1986). Hasil keputusan menunjukkan bahawa item dalam setiap komponen berpadanan dengan tiga komponen yang dicadangkan oleh Sternberg (1986). Walau bagaimanapun, maksud bagi setiap komponen lebih memfokus kepada kepercayaan dan nilai dalam budaya Melayu Bandar di kalangan responden.

Item-item dalam komponen intimasi termasuk kemesraan, belaian, kasih sayang, keselesaan, ambil berat, perapatan, saling memahami, saling memerlukan, saling memberi perhatian, saling memerlukan dan romantik. Bagi komponen berahi adalah tarikan emosi, adanya nikmat spiritual, terpesona dengan pasangan, kewujudan tarikan fizikal, kewujudan kecantikan, keseronokan, kewujudan hubungan seksual, kewujudan hubungan nikmat fizikal, keinginan untuk bersama, saling mengagumi, kewujudan fantasi, pasangan adalah seorang yang penting, selalu memikirkan pasangan dan kewujudan perasaan bahagia yang tidak terpergi. Item-item komponen komitmen dalam kajian ini terdiri daripada perkongsian hidup sepenuhnya, kewujudan persahabatan, adanya tanggungjawab, adanya ketaatan, adanya kesetiaan, bersama dalam susah dan senang, wujudnya ketentuan, memerlukan pengorbanan, saling hormat-menghormati, memerlukan kesabaran, menerima pasangan seadanya, saling berkomunikasi, wujudnya keikhlasan, wujudnya keharmonian dan memerlukan keredhaan Allah.

Jadual 1 menunjukkan bahawa konsep cinta dalam perkahwinan yang tertinggi dilaporkan oleh responden adalah kewujudan kasih sayang, saling memahami, saling hormat-menghormati, cinta yang mendapat keredhaan Allah dan saling tolak-ansur. Walau bagaimanapun, konsep cinta dalam perkahwinan yang paling kurang dilaporkan oleh responden adalah menerima pasangan seadanya, memerlukan kesabaran, kuwujudan belaian, kewujudan keserasian dan kebahagiaan yang tidak terpergi.

Jadual 1 Jawapan soalan terbuka tentang konsep cinta dalam perkahwinan

Paling banyak dilaporkan	Paling sedikit dilaporkan
kewujudan kasih sayang	menerima pasangan seadanya
saling memahami	memerlukan kesabaran
saling hormat-menghormati	kuwujudan belaian
cinta yang mendapat keredhaan Allah	keserasian
saling tolak-ansur	kebahagiaan yang tidak terpergi

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa makna cinta telah diberikan dengan lebih spesifik jika dibandingkan dengan makna cinta yang diberikan oleh teori segitiga cinta (Sternberg, 1986) iaitu intimasi secara amnya didefinisikan sebagai perasaan yang meliputi “perasaan rapat, saling berhubungan dan pertautan”, berahi yang terdiri daripada “romantik, tarikan fizikal dan adanya perhubungan seks” dan komitmen yang didefinisikan sebagai “keputusan jangka pendek di mana individu membuat keputusan samada diri mencintai pasangan tersebut dan keputusan jangka panjang samada diri ingin mengekalkan hubungan cinta yang dialaminya”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak elemen-elemen cinta yang berkaitan dengan nilai dan kepercayaan di kalangan masyarakat Melayu Bandar. Sebagai contoh komponen komitmen dalam kajian ini mempunyai elemen-elemen yang dapat membantu dalam melangsungkan ikatan cinta yang dibina atas dasar perkahwinan seperti ketaatan, bersabar, tolak-ansur, bersama pasangan dalam susah dan senang serta memerlukan keredhaan Allah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai makna cinta dalam perkahwinan. Makna cinta dalam perkahwinan yang kerap dilaporkan oleh responden adalah daripada komponen *komitmen* (saling hormat-menghormati, cinta yang mendapat keredhaan Allah dan saling tolak-ansur) dan intimasi (saling memahami dan kewujudan kasih sayang). Manakala, makna cinta yang kurang dilaporkan oleh responden adalah tergolong daripada komponen berahi (kebahagiaan yang tidak terperi). Hasil keputusan kajian juga menunjukkan bahawa adalah penting untuk mengkaji aspek cinta di dalam perkahwinan kerana majoriti daripada responden dalam kajian ini berkahwin atas dasar ingin menyayangi dan disayangi serta memilih pasangan sendiri. Responden memilih untuk berkahwin atas dasar cinta dan cinta merupakan perkara yang utama dalam membina rumah tangga.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa cinta merupakan antara faktor yang penting bagi orang Melayu Bandar membuat keputusan untuk berkahwin. Konsep cinta dalam perkahwinan dalam kajian ini telah membuktikan bahawa aspek cinta memfokuskan kepada konteks kepercayaan dan tahap dalam perhubungan yang wujud dalam budaya Melayu Bandar merupakan satu konsep penting yang perlu dikaji dengan lebih mendalam. Cadangan kajian pada masa akan datang adalah untuk meneroka konsep cinta secara lebih mendalam menggunakan pendekatan kualitatif dan memfokuskan kepada kumpulan berkahwin bagi mengkayakan definisi cinta dalam perkahwinan. Implikasi kajian ialah teori cinta perlu dikhususkan kepada individu daripada kumpulan yang spesifik seperti budaya dan tahap perhubungan dalam memahami konsep cinta yang dikaji. Selain itu, implikasi kajian juga ialah kepada praktikal dalam membantu profesyen menolong seperti kaunselor dan pekerja sosial yang mengendalikan isu yang melibatkan perhubungan perkahwinan dan juga pembinaan polisi dalam mengukuhkan institusi perkahwinan yang melibatkan kumpulan Melayu di Malaysia. Ini adalah penting bagi menolong pihak yang bertanggungjawab memberikan kefahaman pasangan yang akan berkahwin tentang perkembangan aspek psikologi cinta dalam sebuah perkahwinan. Hasil kajian juga dapat memberikan maklumat kepada badan bertanggungjawab bagi memperkemaskinikan program praperkahwinan yang wajib dihadiri oleh pasangan yang akan berkahwin kelak.

RUJUKAN

- Asmah, A. 1979. Pola perkahwinan pertama orang Melayu di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, tahun 1970an: Satu analisis awal. *Ilmu Alam*, 8, 1-7.
- Assh, S.D. & Byers, E.S. 1996. Understanding the Co-Occurrence of Marital Distress and Depression in Women. *Journal of Social and Personal Relationships*, 13(4), 537-552.
- Bonds-Raacke, J.M., Bearden, E.S., Carriere, N.J., Anderson, E.M. & Nicks, S.D. 2001. Engaging distortions: Are we idealizing marriage? *The Journal of Psychology*, 135(2), 179-184.
- Coyne, J.C., Kahn, J. & Gotlieb, I.H. 1987. *Depression, Family interaction and psychopathology: Theories, methods, and findings*. New York: Plenum Press.
- Creswell, J.W. & Clark, V.L.P. 2008. *The mixed methods reader*. London: Sage publications.
- Crouter, A.C., Bumpus, M.E., Head, M.R. & McHale, S.M. 2001. Implications of Overwork and Overload for the Quality of Men's Family Relationships. *Journal of Marriage & Family*; 63(2), 404-417.
- Fehr, B. 1988. Prototype analysis of the concepts of love and commitment. *Journal of Personality and Social Psychology*, 4, 557-579.
- Horneffer, K.J. & Fincham, F.D. 1996 Attributional Models of Depression and Marital Distress. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 22(7), 678-689.
- Ismail, R. 2004. *Hubungan Kesulitan Ekonomi Dengan Kefungsian Keluarga, Hubungan Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan Etnik Rungus, Iranun Dan Melayu*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2008). Statistik perceraian dan sebab-sebab perceraian di Malaysia.
- Jones, G.W. 1980. Trends in Marriage and Divorce in Peninsular Malaysia. *Population Studies*, 34, (2), 279-292.
- Jones, G.W. (1981). Malay Marriage and Divorce in Peninsular Malaysia: Three Decades of Change. *Population and Development Review*, 7 (2). 255-278.
- Jones, G.W. 1997. Modernization and Divorce: Contrasting Trends in Islamic Southeast Asia and the West. *Population and Development Review*, 23(1), 95-114.
- Kiecolt-Glaser, J.K., Malarkey, W.B., Chee, M., Newton, T., Cacioppo, J.T. Mao, H.Y. & Glaser, R. 1993. Negative behavior during marital conflict is associated with immunological down-regulation. *Psychosomatic Medicine*, 55(5), 395-409.

Kling, Z. 1995. The Malay family: Beliefs and realities. *Journal of Comparative Family Studies*, 26(1), 43-65.

Low, S.M. & Stocker, C. 2005. Family functioning and children's adjustment: associations among parents' depressed mood, marital hostility, parent-child hostility, and children's adjustment. *Journal of Family Psychology*, 19(3), 394-403.

Murray, L., Woolgar, M., Martins, C., Christaki, A., Hipwell, A. & Cooper, P. 2006 Conversations around homework: Links to parental mental health, family characteristics and child psychological functioning. *British Journal of Developmental Psychology*, 24(1), 125-149.

Pallant, J. 2007. SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS for Windows (Version 15). England: Open University Press.

Roberts, B.W., Walton, K.E. & Bogg, T.R. 2005. Conscientiousness and Health Across the Life Course. *Review of General Psychology*, 9(2), Special issue: Positive Psychology. 156-168.

Ruvolo, A.P. & Veroff, J. 1997. For better or for worse: Real-ideal discrepancies and the marital well-being of newlyweds. *Journal of Social and Personal Relationships*, 14, 223-242.

Sternberg, R. J. 1986 A triangular theory of love. *Psychological Review*, 93, 119-135.

Webster-Stratton, C. 1990. Stress: A Potential Disruptor of Parent Perceptions and Family Interactions. *Journal of Clinical Child Psychology*, 19 (4), 302-313.

Yela, C. 1999. Temporal course of the basic components of love throughout relationships. *Psychology in Spain*, 2(1), 76-84.

Yu, T., Pettit, G.S., Lansford, J.E., Dodge, K.A. & Bates, J.E. 2010. The Interactive Effects of Marital Conflict and Divorce on Parent – Adult Children's Relationships. *Journal of Marriage & Family*; 72 (2), 282-292.

Suzana Mohd Hoesni
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
UKM, Bangi, Selangor
smh@ukm.my